

Headline	GERAI JUALAN BUKU DAN MAJALAH UKSB DI SINGGAH SANTAI		
MediaTitle	Harmoni		
Date	04 May 2017	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	70,000
Page No	113	Readership	350,000
Language	Malay	ArticleSize	415 cm ²
Journalist	w	AdValue	RM 2,021
Frequency	Monthly	PR Value	RM 6,063



GERAI JUALAN BUKU DAN MAJALAH UKSB DI 'SINGGAH SANTAI'

Penghujung Mac lalu, Jabatan Pemasaran Utusan Melayu (M) Berhad menyertai program promosi di perkarangan bangunan Perpustakaan Negara di Kuala Lumpur. Program bertema 'Singgah Santai' anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) ini menyediakan pelbagai aktiviti menarik untuk para pengunjung.

Tetamu kehormat Datuk Rashidi Hasbullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan merasmikan program 'Singgah Santai' tersebut. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Ketua Pengarah PNM Datuk Nafisah Ahmad dan Rektor Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) Prof. Datuk Ir. Dr Mohd Rizon Juhari.

Pihak pemasaran Utusan Melayu (M) Berhad telah membuka gerai buku-buku dan majalah-majalah terbitan Utusan Karya Sdn Bhd (UKSB), anak syarikat Kumpulan Utusan. Antara majalah-majalah yang mendapat sambutan ramai termasuk majalah Hijab Fesyen, Wanita, Harmoni, Mastika, Saji, Al Islam dan Infiniti. Aktiviti promosi hujung minggu ini berjaya menarik perhatian para pengunjung setia PNM, masyarakat dari kawasan sekitar serta pelancong tempatan dan luar negara.

Program sehari itu menonjolkan tema 'Lestari Hijau Komuniti Sejahtera' bagi menggalakkan budaya membaca dan menjaga alam sekitar di kalangan ahli masyarakat khususnya generasi muda. Budaya membaca juga merupakan salah satu elemen yang diterapkan dalam Transformasi Negara 2050 (TN50) untuk melahirkan masyarakat berpendidikan dan berpengetahuan tinggi pada masa depan.

Program 'Singgah Santai' ini menyediakan pelbagai aktiviti termasuklah bicara buku, masakan warisan Melayu bersama selebriti terkenal Datuk Ismail Ahmad, pertandingan kraf tangan kreatif kitar semula, penulisan khat, membaca manuskrip Melayu, jualan buku dan majalah dan buah-buahan tempatan dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan menukar barangan terbuang.



Datuk Rashidi Hasbullah (dua dari kanan), Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melawat booth Utusan Melayu.



Wajah ceria kanak-kanak ketika bergambar bersama produk terbitan Utusan Melayu dan Utusan Karya.